

Kerajaan kenal pasti inisiatif berimpak tinggi

Dilaksana dalam tempoh singkat pacu pembangunan ekonomi digital

Kuala Lumpur: Kerajaan mengenal pasti beberapa inisiatif berimpak tinggi yang boleh dilaksanakan dalam tempoh singkat bagi memacu pembangunan ekonomi digital.

Walaupun corak pembangunan itu sinonim dengan negara maju, hanya dijangka mampu dicapai sepenuhnya oleh Malaysia menjelang 2030, wujud rangkaian usaha awal berkaitan ekonomi digital yang berupaya dirintis pada peringkat nasional dan sektor tertentu.

Secara keseluruhan, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia memperuntukkan lima inisiatif berimpak tinggi yang boleh dilaksanakan dalam tempoh singkat atau dipanggil sebagai *quick-win* (menang-sejenak) terkandung pada teras pertama.

Teras kedua pula mempunyai

dua inisiatif bersifat sedemikian, manakala masing-masing satu bagi teras ketiga, kelima dan keenam.

Menerusi teras pertama, iaitu memacu transformasi digital sektor awam, lima inisiatif 'menang-sejenak' antara lain merangkumi langkah transformasi Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Ia bagi meningkatkan keupayaan unit berkenaan dalam memacu pendigitalan dan bertindak balas terhadap perubahan pantas teknologi digital.

Selain itu, memperkenalkan program *Digital-First* untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan pengkomputeran awan pada peringkat Persekutuan dan negeri, mewujudkan mekanisme penggubalan dasar yang dipacu

data dan menambah baik persekitaran perkongsian data bagi memastikan kualiti data.

Bagi melancarkan urus tadbir, semua agensi pada peringkat Persekutuan dan negeri akan menggunakan pembayaran tanpa tunai sebagai pilihan kaedah transaksi yang lebih berkesan serta pelaksanaan tandatangan digital bagi keseluruhan perkhidmatan dalam talian sektor awam untuk membolehkan transaksi digital dari peringkat awal ke akhir.

Pada peringkat sektor, inisiatif 'menang-sejenak' pula meliputi kepentingan pertanian, menerusi langkah mewujudkan lebih banyak platform digital tempatan bagi membolehkan akses kepada pasaran digital *Farm to Table*.

Bagi sektor pembinaan, ia membabitkan usaha memperkenalkan mekanisme yang ditambah baik untuk mempercepat pembangunan bandar pintar; manakala usaha melengkapkan

tenaga kerja dengan set kemahiran digital dirintis di subsektor borong dan runcit.

Sementara itu, usaha diperuntukkan di tiga teras bagi peringkat nasional dikenal pasti sebagai berimpak tinggi dan sangat penting untuk mencapai visi Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia.

Lima daripada tujuh inisiatif sedemikian terkandung dalam teras keempat yang antara lain merangkumi pengenalan program 'Perantiku' untuk memastikan semua pelajar di Malaysia mempunyai capaian kepada pembelajaran digital.

Pada peringkat sektor pertanian, ia terarah kepada usaha menggalakkan penerimgunaan pertanian pintar melalui platform data terbuka berpusat dalam kalangan pemain industri, selain mempercepatkan penggunaan Gudang Data Kesihatan Malaysia (MyHDW) dengan memasukkan elemen blok rantai.